

PENDEKATAN PSIKOPENDIDIKAN DALAM KAUNSELING KELOMPOK BAGI MENANGANI MASALAH EMOSI MURID MANGSA PENCERAIAN IBU BAPA

A.Murat bin Abd.Rani,
Zuria binti Mahmud
muratrani57452@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Perceraian merupakan satu fenomena global dan statistik perceraian secara umumnya mencatatkan peningkatan kes perceraian setiap tahun di kebanyakan negara di dunia. Perceraian amat memberi kesan terutamanya anak-anak, keluarga dan juga masyarakat. Penyelidikan ini bertujuan untuk meninjau jenis-jenis masalah emosi dalam kalangan murid yang mengalami konflik perceraian ibu bapa di Sekolah (LKTP) Tenggaroh 2, Mersing, Johor. Di samping itu, penyelidikan ini turut bertujuan menggunakan pendekatan kaunseling kelompok Modul Psikopendidikan bagi menangani permasalahan emosi dalam kalangan murid kesan perceraian ibu bapa dan mengenalpasti kesan yang dialami mereka selepas menerima rawatan kaunseling kelompok. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Seramai 8 orang murid terlibat sepanjang sesi kaunseling kelompok yang berumur antara 10 hingga 12 tahun. Untuk menepati kriteria klien, Mooney Problem Check List digunakan di peringkat pra kajian. Sumber lain yang digunakan dalam kajian ini iaitu dokumentasi, rekod, temubual, dan pemerhatian.. Keputusan kajian menunjukkan pelbagai perasaan terhadap perceraian ibu bapa dan boleh dikategorikan sangat negatif, negatif dan ada di kalangan mereka berperasaan yang agak berkecamuk. Rawatan kaunseling kelompok menggunakan pendekatan psikopendidikan dilakukan bagi merawat permasalahan emosi klien.

Kata kunci: *Kaunseling kelompok, psikopendidikan, permasalahan emosi*

1.0 PENGENALAN

Psikopendidikan kaunseling kelompok adalah satu pendekatan kaunseling yang melibatkan aspek psikologi klien dan mendidik klien tentang teknik atau strategi yang berbentuk pendidikan. Pendekatan psikopendidikan percaya bahawa perubahan tingkah laku positif lebih cenderung berlaku apabila kaunselor mampu mengembangkan dan mengekalkan interaksi positif serta saling menghormati klien. Amalia Madihie (2016)

Menurut Haslina Bt Ahmad, 2013, pendekatan psikopendidikan adalah pendekatan utama yang digunakan dalam mengendalikan kajian ini. pendekatan psikopendidikan telah digunakan dalam banyak kes yang melibatkan masalah tingkah laku. Intervensi psikopendidikan telah dapat mengurangkan tingkah laku bermasalah dan kekerapan subjek kumpulan rawatan daripada terlibat masalah disiplin. Pendapat ini diperkukuhkan lagi dengan menegaskan bahawa seseorang yang memahami keperluan dan kesesuaian sesuatu masyarakat ialah seseorang yang dapat menyelami dan memahami sesuatu fenomena itu dalam konteks budaya tempatan. Intervensi yang sesuai diaplikasikan dalam kes menangani murid bermasalah

emosi mangsa penceraian ibu bapa ialah intervensi yang dikemukakan atau disarankan dalam konteks persekitaran pada waktu itu.

Pendapat Haslina 2013 bersesuaian dengan kajian Neukrug, 2007. Pendekatan Psikopendidikan juga digunakan secara meluas untuk meningkatkan kesedaran sendiri dan membantu murid-murid untuk membuat keputusan tentang kehidupan mereka. Psikopendidikan digunakan untuk menangani individu yang dikategorikan sebagai tidak dapat mengendalikan kehidupan dengan baik. Pendekatan Kaunseling Kelompok ialah pemangkin yang padu apabila ahli kelompok merasakan mereka adalah sebahagian daripada kelompok yang akan membantu dan berkongsi antara satu sama lain (Lin, Chen, Yang, Xie & Lin, 2014). Bimbingan kelompok merupakan salah satu pendekatan alternatif dalam proses menolong.

Keluarga merupakan satu institusi manusia yang universal yang mengandungi satu kumpulan ahli yang berstruktur dengan fungsi untuk mensosialisasikan anak-anak yang baru dilahirkan. Ahli sosiologi functionalist mentakrifkan keluarga mengikut fungsinya. Mereka melihat bagaimana keluarga dihubungkan dengan bahagian lain dalam masyarakat. Dalam masyarakat keluarga memenuhi fungsi asas iaitu untuk perkembangan zuriat, sosialisasi, sokongan emosi dan status sosial.

Keluarga merupakan pusat kehidupan emosi, tempat di mana anak-anak akan mendapat sokongan atau kepastian. Sekiranya terjadi penceraian di dalam keluarga, anak-anak akan kehilangan sokongan emosi serta kasih sayang kerana ibu bapa tidak lagi tinggal bersama. Kelompok murid kajian ini dirujuk kerana sering menimbulkan masalah kepada guru dan rakan sebaya sepanjang waktu persekolahan. Menurut kajian Aslina Ahmad (2013, pemikiran yang negatif mendorong mereka melakukan kesalahan. Untuk menangani isu disiplin, cara terbaik adalah dengan melalui pemikiran, manakala tempat yang terbaik untuk diberikan intervensi ialah tempat yang paling banyak dihabiskan oleh seseorang murid.

Menurut Adrian (Ningrum P, 2013) penceraian bagi anak adalah tanda kematian keutuhan keluarganya sehingga seolah-olah separuh daripada diri anak-anak telah hilang. Perasaan kehilangan, penolakan dan ditinggalkan akan merosakkan kemampuan memberi tumpuan dalam pelbagai perkara melibatkan emosi, pemikiran dan tindakan.

Proses penerimaan diri kanak-kanak yang memiliki ibu bapa yang bercerai adalah amat sukar, kerana banyak ibu bapa yang mengambil tindakan untuk bercerai disebabkan untuk menutup kekurangan yang dimiliki oleh pasangan masing-masing. Proses penerimaan diri pada kanak-kanak dalam situasi ibu bapa yang bercerai akan dapat mengembalikan suatu kebahagiaan dalam kehidupan kanak-kanak tersebut (Bernard, 2013).

Keseriusan masalah tingkah laku dalam kalangan pelajar perlu ditangani dengan langkah yang sewajarnya, khususnya dengan memberi perhatian terhadap faktor-faktor psikologi yang dapat meningkatkan ketahanan diri pelajar seperti faktor kekeluargaan (Jamie, 2011; Rozmi, 2015). Jika tidak ditangani dengan sebaiknya, pelbagai isu tingkah laku yang dipandang enteng ini mungkin akan menjadi tingkah laku devian yang mendatangkan masalah besar kepada masyarakat dan negara di masa hadapan. Misalnya, Peningkatan kes jenayah sedia ada yang membabitkan pelajar seperti buli, peras ugut, seks bebas, rogol, ketagihan dadah, dan membunuh telah cukup mendatangkan kegusaran kepada seluruh masyarakat Malaysia (Mazlili Suhaini, 2013). Maka, pelbagai masalah yang kian membimbangkan ini perlu ditangani dengan pendekatan terbaik agar tidak terus menular dan menambah kebimbangan sedia ada.

Menurut Noran Fauziah et al. (2009) pelajar yang tidak mempunyai daya tahan cenderung untuk berfikir dan bertingkah laku dengan cara yang salah. Di Malaysia, meskipun kes bunuh diri tidak begitu ketara, namun dibimbangi peningkatan kes ini akan berlaku. Penelitian Noriah et al. (2003) mendapati pelajar yang membunuh diri lazimnya dilihat tidak mempunyai masalah dan apabila ia berlaku, ibu bapa dan ahli keluarga tidak menyangka perkara itu boleh berlaku. Antara ayat terakhir yang ditinggalkan oleh mereka adalah `semua

orang tidak memahami saya'. Ini bermula dengan tingkah laku terpinggir, rasa terasing, dan tidak berteman, seterusnya merasakn dirinya tidak dipedulikan oleh keluarga. Menurut Badruzaman dan Azizi (2006) emosi negatif yang terhasil dari sistem kekeluargaan yang tidak dapat berfungsi dengan baik akan menyebabkan tekanan serta wujud hubungan yang longgar antara ahli dalam sesebuah keluarga. Golongan pelajar juga biasanya amat sukar mengakui bahawa mereka mempunyai masalah, dan adalah sukar untuk mereka berkongsi tekanan yang dihadapi dengan ahli keluarga apabila sistem keluarganya tidak berfungsi dengan baik. Maka, tidak hairanlah apabila terdapat pengkaji yang mendakwa jika aspek ketahanan diri dalam kalangan pelajar tidak diberi perhatian, pelajar mungkin terjebak dengan pelbagai masalah lain yang menjadikannya lebih tertekan sehingga mempengaruhi pemikiran serta tingkah lakunya ke arah negatif (Jamie, 2011; Zainah et al.,2015).

2.0 LATAR BELAKANG

SK (F) Tenggaroh 2 merupakan sekolah yang terletak dalam kawasan perkampungan FELDA Tenggaroh 2. Sekolah ini mempunyai seramai 200 orang murid. Hampir 70 peratus murid terdiri daripada generasi ketiga peneroka, yang merupakan cucu kepada peneroka FELDA Tenggaroh 2. Kebanyakan murid ini ditinggalkan dalam jagaan datuk dan nenek kerana ibu bapa bertugas di kasawan Bandar seperti Johor Bahru, Batu Pahat dan Kluang. Sebilangan besar dari jumlah itu, merupakan anak-anak mangsa penceraian ibu bapa. Ibu bapa melepaskan tanggungjawab untuk penjagaan anak-anak ini kepada datuk dan nenek di perkampungan FELDA Tenggaroh 2.

Menurut data Sistem Sahsiah Diri Murid(SSDM) Sekolah Kenagsaan (F) Tenggaroh 2, kebanyakan kes kenakalan, vandalisme, buli, ponteng sekolah dan mengganggu sesi pembelajaran di dalam kelas dipelopori oleh murid-murid yang terdiri dalam kalangan murid yang bermasalah penceraian ibu bapa. Seramai 25 orang murid murid yang melakukan kesalahan disiplin berulang dalam data disiplin sekolah telah disaring untuk mendapatkan 8 orang murid yang menunjukkan tahap kawalan emosi negatif yang tidak terkawal dan agak melampau telah dipilih untuk dijadikan sampel untuk kajian ini.

Murid yang dipilih untuk kajian ini merupakan 8 orang murid yang berusia di antara 10-11 tahun yang merupakan asset berharga sekolah bagi menghadapi UPSR pada tahun 2020 dan 2021 akan datang. Muid ini akan menghadiri sesi kaunseling kelompok psikopendidikan menggunakan modul khas untuk lebih mendekati dan memahami murid tersebut secara lebih mendalam dan membimbing mereka supaya positif dalam pemikiran dan menyalurkan emosi mereka dalam bentuk yang lebih bersesuaian dan membawa lebih manfaat kepada diri sendiri dan orang lain. Murid ini juga dibimbing untuk lebih terbuka menerima kenyataan bahawa penceraian ibu bapa mereka di luar kawalan mereka.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji pandangan berkaitan perasaan & emosi 8 orang murid yang mengalami penceraian ibu bapa di SK (F) Tenggaroh 2 di Daerah Mersing, Johor. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk :-

1. Mengenal pasti 8 tema perasaan dan emosi yang dialami oleh 8 orang murid yang mengalami penceraian ibu bapa
2. Sejauhmana aktiviti yang dibuat dalam sesi kaunseling kelompok psikopendidikan mendatangkan perubahan tingkah laku yang positif dalam kalangan murid yang terlibat dalam penceraian ibu bapa.

3. Bagaiamanakah kesan dari segi perasaan dan tindakan penglibatan dalam sesi kaunseling kelompok psikopendidikan dapat membantu murid mengalami kesan negatif penceraian ibu bapa .

4.0 SOROTAN KAJIAN / KAJIAN LITERATUR

Psikopendidikan kaunseling kelompok satu pendekatan yang amat sesuai untuk membantu mendapatkan maklumat dan membimbing murid menggunakan pendekatan kaunseling yang melibatkan aspek psikologi klien dan mendidik klien tentang teknik atau strategi yang berbentuk pendidikan. Pendekatan psikopendidikan percaya bahawa perubahan tingkah laku positif lebih cenderung berlaku apabila kaunselor mampu mengembangkan dan mengekalkan interaksi positif serta saling menghormati klien. Pendapat ini diperkukuhkan oleh kajian yang dibuat oleh Amalia Madihie (2016).

Menurut Haslina Bt Ahmad, 2013, pendekatan psikopendidikan adalah pendekatan utama yang boleh digunakan dalam mengendalikan berkaitan disiplin. pendekatan psikopendidikan telah digunakan dalam banyak kes yang melibatkan masalah tingkah laku. Intervensi psikopendidikan telah dapat mengurangkan tingkah laku bermasalah dan kekerapan subjek kumpulan rawatan daripada terlibat masalah disiplin. Pendapat ini diperkukuhkan lagi dengan menegaskan bahawa seseorang yang memahami keperluan dan kesesuaian sesuatu masyarakat ialah seseorang yang dapat menyelami dan memahami sesuatu fenomena itu dalam konteks budaya tempatan. Intervensi yang sesuai diaplikasikan dalam kes menangani murid bermasalah emosi mangsa penceraian ibu bapa ialah intervensi yang dikemukakan atau disarankan dalam konteks persekitaran pada waktu itu.

Pendapat Haslina 2013 bersesuaian dengan kajian Neukrug, 2007. Pendekatan Psikopendidikan juga digunakan secara meluas untuk meningkatkan kesedaran sendiri dan membantu murid-murid untuk membuat keputusan tentang kehidupan mereka. Psikopendidikan digunakan untuk menangani individu yang dikategorikan sebagai tidak dapat mengendalikan kehidupan dengan baik. Pendekatan Kaunseling Kelompok ialah pemangkin yang padu apabila ahli kelompok merasakan mereka adalah sebahagian daripada kelompok yang akan membantu dan berkongsi antara satu sama lain (Lin, Chen, Yang, Xie & Lin, 2014). Bimbingan kelompok merupakan salah satu pendekatan alternatif dalam proses menolong.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kualitatif digunakan bagi mendapatkan maklumat yang memerlukan kaedah temu bual dan pemerhatian secara mendalam (Chua Yan Piaw 2011). Kaedah temubual ini melibatkan interaksi diantara penyelidik dengan klien yang dikaji. Melalui kaedah temubual ini, penyelidik dapat mengumpul data dan maklumat tentang remaja secara mendalam dan merungkai dengan lebih lanjut perbezaan emosi di antara remaja lelaki dan perempuan apabila berhadapan dengan krisis penceraian ibu bapa.

Tumpuan utama penyelidik ialah pemahaman tentang sesuatu fenomena dari perspektif klien kajian (Othman Lebar 2009). Reka bentuk penyelidikan ini menggunakan jenis fenomenologi untuk mengetahui pengalaman murid sekolah rendah berkenaan perasaan apabila ibu bapa bercerai . Kajian ini dijalankan ke atas murid lelaki dan perempuan dari Sekolah Kebangsaan (LKTP) Tenggara 2. Dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan temubual mendalam ke atas 8 orang klien iaitu empat pelajar lelaki dan empat pelajar perempuan yang ibu bapanya telah bercerai.

Murid yang telah ditemubual juga adalah murid yang ibu bapanya telah bercerai selama setahun dan ke atas. Selain itu, penyelidik telah memilih murid yang berumur dalam

lingkungan 10 tahun sehingga 12 tahun. Hal ini demikian kerana, murid yang berumur dalam lingkungan 12 tahun ke bawah masih bersekolah dan di bawah tanggungan penjaga. Maklumat murid ini diperolehi berdasarkan Sistem Aplikasi Data Murid (APDM) dan menepati kumpulan sasaran yang telah ditetapkan iaitu murid yang menunjukkan kecenderungan beremosi negatif yang memerlukan bimbingan dan khidmat kaunseling untuk mencapai proses celik akal dalam mengawal emosi dan bertindak lebih rasional dalam pemikiran, beremosi dan tindakan. Kelompok murid ini menjalani sesi kelompok psikopendidikan sebanyak 6 sesi dan beberapa sesi kaunseling individu mengikut keperluan.

Program psikopendidikan ini akan melibatkan pelbagai aktiviti seperti termasuklah permainan berstruktur, lukisan, terapi bermain dan psikodrama dan pertandingan poster. Antara data yang dikutip melalui program ini termasuklah persepsi murid terhadap kehidupan mereka, pengalaman mereka setelah berlakunya perceraian ibu bapa, inspirasi mereka melalui aktiviti lukisan akan dikupas dalam sesi kaunseling kelompok untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat tentang gambaran yang ingin diceritakan oleh murid yang terlibat. Impian mereka dalam kehidupan. Penyelidik akan mengutip data secara kualitatif melalui aktiviti lukisan, penceritaan / temubual yang direkodkan serta refleksi kaunselor terhadap sesi yang telah berlangsung.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Umur klien dan umur klien semasa ibu bapa bercerai.

Jadual menunjukkan umur klien pada tahun semasa dan umur klien semasa ibu bapa klien bercerai. Seramai 3 orang klien telah merasai pengalaman ibu bapa bercerai sejak berumur 7 tahun iaitu Fatihah, Irfan dan Eka. Ketiga-tiga klien telah mengharungi saat-saat mencabar ini selama 3 tahun. Dua orang klien pula mula merasai saat perceraian ibu bapa ketika berumur 8 tahun iaitu Fazli dan Asyraf. Mereka berdua telah melalui perceraian itu selama 2 tahun. Klien lain pula iaitu Qaireen, Qaira dan Adam agak matang dalam mengharungi saat perceraian ibu bapa mereka kerana faktor usia mereka saat melalui fasa-fasa perceraian ibu bapa masing-masing. Menurut Adam, perceraian ibu bapanya mungkin jalan terbaik daripada ayah dan ibu sepanjang hari bergaduh dan bertikam lidah.

Jadual 1.0: Umur (Klien) Semasa dan Umur ketika ibu bapa bercerai

Nama Klien	Umur Semasa Klien	Umur Ketika Ibu bapa Bercerai
Fatihah	10	7
Fazli	10	8
Irfan	10	7
Qaireen	11	10
Adam	11	9
Qaira	12	10
Eka	10	7
Asyraf	10	8

Rujukan jadual (2019)

Pengurusan Emosi Kendiri Remaja

Hasil kajian menu kien njuukkan pengurusan emosi klien dasi sudut cara mengatasi masalah seharian. Kajian ini mendapati antara faktor klien tidak bersedia untuk meluahkan emosi adalah disebabkan oleh cara didikan zaman kanak-kanak yang tidak menggalakkan klien secara jujur an bebas menyatakan pandangan dan emosi tentang sesuatu kejadian yang disukai atau

sebaliknya. Dalam keadaan melalui zaman penceraian ibu bapa sudah pasti sesuatu yang menyedihkan, memalukan dan merasai kehidupan mereka sudah berakhir selepas perpisahan ibu bapa mereka berlaku. Keadaan ini menyebabkan klien lebih selesa memendamkan emosi masing-masing daripada diketahui oleh orang lain yang diragui tahap kebolehpercayaannya untuk memahami mereka. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian yang dibuat oleh Zaidah Mustapha (2000) yang meneliti bahawa masyarakat moden secara kerasnya menghalang klien daripada meluahkan emosi yang negatif. Beliau mengandaikan peluahan emosi merupakan suatu keperluan yang biologikal dan manusia belajar mengawal emosi yang menekankan seperti sedih, takut, marah, malu dan bosan yang menimbulkan ketegangan dalam badan dan akan menyebabkan timbulnya tingkah laku memendamkan perasaan, tiada empati dan kerjasama.

Selain daripada itu juga, penyelidik mendapati faktor lain yang turut menyumbang dalam keberanian untuk meluahkan emosi secara lebih positif didorong oleh tahap sokongan social dari individu seperti ahli keluarga, rakan sebaya dan kaunselor. Kajian ini turut menyamai kajian yang dilakukan oleh Zaidah Mustapha 2000 dalam masyarakat melayu, emosi yang paling popular sering dikaitkan sebagai sesuatu peribadi dan dianggap tidak sesuai untuk diluahkan.

Jadual 2.0: Kaedah Klien Mengurus Emosi

Nama Klien	Pendam	Luah
Fatihah	D: Pendam emosi F: Tidak percaya sesiapa	D & S: Luah kepada rakan baik F: Sikap terbuka dapat semangat & kekuatan
Fazli	D: Pendam emosi F: Malu diejek rakan	S: Luah pada rakan & kaunselor F: Dapat sokongan daripada terus tertekan
Irfan	D: Pendam emosi F: Masih kecil dan tidak tahu nak meluahkan pada siapa	S: Luah kepada kaunselor & rakan baik F: Lega dan hilang tekanan
Qaireen	D: Pendam emosi F: Sensitif dan malu rakan pandang rendah, ejek	S: Luah pada nenek & rakan baik F: Dapat sokongan, nasihat dan lega
Adam	D: Pendam F: Tidak percaya sesiapa	D & S: Luah kepada rakan baik F: Sikap terbuka dapat semangat dan kekuatan
Qaira	D: Pendam emosi F: Penceraian adalah aib	S: Luah pada rakan & kaunselor F: Dapat sokongan daripada terus tertekan
Eka	D: Pendam perasaan F: Orang lain tidak akan faham	S: Luah pada rakan & kaunselor F: Dapat sokongan daripada terus tertekan
Asyraf	D: Pendam emosi F: Masih kecil dan tidak tahu cara untuk luah	S: Luah kepada ibu dan rakan baik F: Dapat sokongan, nasihat dan lega :

Petunjuk : D: Dulu, S: Sekarang, F: Faktor yang mempengaruhi
Rujukan jadual (2019)

Jadual 3.0: Pengurusan Emosi Dengan Bantuan/Sokongan

Nama Klien	Bantuan/Sokongan	Kepentingan bantuan/ sokongan
Fatihah	Rakan & Ibu saudara	Dapat sokongan & nasihat
Fazli	Kaunselor & rakan	Dapat ketenangan & kurangkan tekanan
Irfan	Kaunselor & rakan	Dapat kekuatan dan semangat
Qaireen	Nenek& Rakan	Dapat kekuatan dan semangat
Adam	Nenek & Rakan	Dapat ketenangan & kurangkan tekanan
Qaira	Kaunselor & Rakan	Dapat kekuatan dan semangat
Eka	Rakan & Kaunselor	Dapat ketenangan & kurangkan tekanan
Asyraf	Ibu & Rakan	Dapat kekuatan dan semangat

Rujukan jadual (2019)

Jadual 4.0: Perkaitan emosi positif dan negatif akibat penceraian ibu bapa

Nama Klien	Emosi Gembira			Emosi Negatif				
	Gembira	Sayang	Bangga	Sedih	Malu	Marah	Benci	Tertekan
Fatihah		√		√	√	√	√	√
Fazli				√		√		
Irfan		√		√				√
Qaireen		√		√	√		√	√
Adam		√		√			√	
Qaira		√		√	√			√
Eka		√		√		√	√	√
Asyraf		√		√	√			√

Profil Klien : Kehidupan murid apabila berlakunya penceraian ibu bapa.

Penyelidik mendapati klien yang terdiri daripada kanak-kanak yang sedang menghadapi penceraian ibu bapa cenderung untuk kelihatan gagal mengurus emosi bila berhadapan dengan konflik rakan sebaya, dan agak mementingkan diri sendiri dalam berperasaan, berfikiran dan bertindak laku.

Kajian lepas daripada penyelidik sebelum ini lebih menumpukan kepada kesan-kesan penceraian seperti emosi kepada anak-anak. Sebaliknya pengurusan emosi yang diambil oleh anak-anak yang berhadapan dengan krisis ibu bapa bercerai kurang diambil perhatian. Pengurusan emosi yang baik adalah penting supaya kanak-kanak mempunyai kekuatan dan semangat untuk menjalani kehidupan dengan baik selepas ibu bapa bercerai. Sekiranya emosi tersebut tidak diuruskan dengan baik akan memberi kesan negatif terhadap kanak-kanak tersebut. Hal ini menimbulkan persoalan adakah pengurusan emosi sesuatu yang bermasalah kepada kanak-kanak dari sudut menguruskan emosi sama ada baik ataupun tidak. Isu klasifikasi dan pengurusan emosi ini remaja daripada ibu bapa bercerai ini masih belum diberikan tumpuan secara meluas oleh penyelidik remaja di Malaysia. Disebabkan isu ini dianggap kurang diberikan tumpuan, maka banyak persoalan berkaitan dengan klasifikasi dan

pengurusan emosi remaja daripada ibu bapa bercerai masih dapat dijawab sepenuhnya secara ilmiah dalam penulisan ini.

Emosi positif yang dirasakan klien akibat krisis penceraian ialah emosi gembira, sayang dan bangga. Manakala emosi negatif ialah sedih, malu, marah, benci dan tertekan. Keputusan kajian ini mendapati emosi yang dirasakan anak-anak akibat penceraian adalah seperti sangat sedih, sedih, kecewa marah dan benci. Disebalik emosi negatif, terdapat juga emosi baik yang dirasakan anak-anak seperti sayang, gembira. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati emosi ditumpukan kepada satu set emosi positif seperti kasih sayang, cinta, kegembiraan dan ketenangan dan juga satu set negatif seperti marah, cemburu, takut, keluh kesah, sedih, dengki dan benci.

Manakala tekanan emosi pula, menurut beliau berpusat kepada emosi yang negatif. Keseluruhan klien perempuan dalam kajian ini lebih berasa sedih dan malu berbanding lelaki. Manakala klien lelaki lebih mempunyai perasaan marah dan benci berbanding perempuan. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Hochschild (1981) yang mendapati bahawa perempuan kurang mempunyai perasaan marah dan lebih kepada perasaan sedih berbanding lelaki. Manakala lelaki kurang memiliki rasa takut dan sedih berbanding wanita.

Dapatan kajian ini juga menyokong kajian yang telah dilakukan O'Kearney (2004), beliau telah mengesan perbandingan emosi yang dominan di antara remaja lelaki dan perempuan. Dalam kajian beliau mengatakan emosi negatif seperti, kemarahan adalah berpengaruh untuk kanak-kanak lelaki, dan emosi negatif seperti sedih, takut, rasa bersalah dan malu adalah ciri-ciri untuk kanak-kanak perempuan. Konflik emosi seperti kemarahan dan kesedihan, adalah salah satu emosi kuat dalam kehidupan remaja. Kesedihan yang dirasakan oleh klien perempuan adalah tinggi berkemungkinan disebabkan mereka memerlukan lebih sokongan sosial berbanding lelaki.

Perspektif Klien Terhadap Kehidupan Mereka

Melalui lukisan klien dalam 5 tema utama yang timbul tentang kehidupan klien tentang i) gambaran diri sendiri saya, ii) keluarga, iii) rakan sebaya, iv) hobi masa lapang saya, v) Impian saya.

Kajian mendapati klien lelaki yang tidak boleh meluahkan emosi pada awal penceraian dan akhirnya dapat meluahkan pada masa mendatang iaitu Firdaus dan Rahmi manakala klien perempuan ialah Suhaila. Kajian ini turut disokong oleh kajian yang dibuat oleh Kajian oleh Hubbard (2001) menyatakan bahawa kanak-kanak lelaki akan menzahirkan kesedihan dan kemarahan lebih daripada gadis-gadis yang mungkin lebih prihatin dengan hubungan yang harmoni. Thoits (1989) berdasarkan kajian terhadap pelajar kolej mendedahkan bahawa, apabila berhadapan dengan situasi yang tertekan, wanita lebih cenderung untuk meluahkan perasaan mereka dan menangani emosi mereka dengan mendapatkan sokongan sosial. Zaidah Mustapha (2000) mengatakan dalam masyarakat Melayu, emosi yang secara popular sering dikaitkan sebagai sesuatu yang peribadi dan dianggap tidak sesuai diluahkan secara terbuka. Ia hanya diluahkan kepada individu tertentu sahaja seperti saudara mara terdekat, ahli keluarga dan sahabat karib. Kajian oleh Fariza Md. Sham (2005), mendapati majoriti remaja mengalami tekanan emosi dan menunjukkan simptom dari aspek psikologi. Hasil kajian mendapati bahawa faktor utama yang menyebabkan tekanan ialah faktor keluarga dan faktor persekitaran. Dari aspek menangani tekanan pula, kebanyakan remaja menggunakan cara yang positif.

Emosi tersebut tidak diluahkan disebabkan faktor penceraian adalah sesuatu yang aib dan tidak dipercayai sesiapa untuk dijadikan tempat untuk berkongsi emosi. Perasaan yang dipendam tersebut akhirnya diluahkan bagi mendapatkan sokongan. Kajian ini menunjukkan bahawa tempoh masa mempengaruhi klien dari sudut boleh meluahkan emosi yang dirasakan.

Manakala klien perempuan yang tidak boleh meluahkan emosi pada awal penceraian dan mendatang ialah Pija dan Syahira. Klien tidak meluahkan emosi kerana faktor budaya seperti malu dengan penceraian dan ketiadaan sokongan yang kuat individu sekeliling. Pemendaman emosi tersebut menyebabkan klien berasa tertekan. Dapatan kajian ini menyokong Kajian mengenai pengurusan emosi dari sudut pengluahan emosi dilihat melalui kajian Peletz (1996) dalam meneliti konsep malu dalam masyarakat Melayu. Menurut beliau, perasaan malu dalam masyarakat Melayu memainkan peranan penting dalam kesediaan berkongsi perasaan dan mengatur perlakuan serta persepsi diri orang Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa klien lelaki mudah meluahkan emosi yang dirasai berbanding klien perempuan Hal ini mungkin disebabkan faktor keterbukaan dan keinginan faktor sokongan oleh ibu dan rakan-rakan membantu klien lelaki dalam meluahkan emosi yang dirasai berbanding perempuan. klien perempuan lebih sukar untuk meluahkan emosi kerana kurangnya sokongan sosial dari ibu dan rakan-rakan

Sokongan dan bantuan dari individu terdekat penting dalam membantu klien menguruskan emosi dengan baik dan mendapatkan emosi yang positif. Kajian oleh Zaidah Mustapha (2000) mendapati bahawa sokongan sosial amat penting dalam pengendalian emosi. Menurut beliau, sekiranya sistem sokongan di dalam masyarakat moden kini tidak ada, tidak mencukupi atau tidak sesuai, maka pengendalian emosi masyarakat akan terganggu dan terjejas.

Secara keseluruhan klien dalam kajian ini memerlukan sumber sokongan sosial daripada penjaga mereka sama ada ibu atau bapa, ahli keluarga dan rakan-rakan untuk mereka mengadu dan berkongsi perasaan. Selain itu sokongan sosial juga bertujuan untuk mengurangkan beban emosi dan tekanan yang dihadapi remaja sekaligus membantu mereka menguruskan emosi dengan baik. Kebanyakan daripada klien meluahkan emosi yang dirasai kepada ibu dan rakan-rakan. Rata-rata klien dalam kajian ini menunjukkan motivasi dan sokongan dari rakan-rakan rapat lebih kuat berbanding penjaga mereka. Selain itu terdapat klien meluahkan emosi mereka kepada kaunselor sekolah. Dari sudut pengurusan emosi negatif, terdapat beberapa klien yang menguruskan emosi secara negatif dengan kurang memberi tumpuan dalam pelajaran, tidak hadir ke sekolah dan menimbulkan masalah di sekolah. Jadi, jelaslah bahawa terdapat pengurusan emosi berbentuk positif dan negatif yang diambil remaja dalam menangani emosi akibat krisis perceraian ibu bapa.

7.0 PENUTUP

Bagi membantu lebih banyak golongan murid bermasalah keluarga berkaitan perasaan dan emosi akibat penceraian ibu bapa agar lebih berdaya tahan dalam menghadapi pelbagai bentuk cabaran masa kini, semua pihak sama ada institusi pendidikan, keluarga, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan, media massa, dan masyarakat perlu memahami, seterusnya memainkan peranan masing-masing dalam memberi kesedaran terhadap aspek kefungsi keluarga yang baik dalam memupuk ketahanan diri pelajar agar tidak terjebak dengan masalah sosial dan salah laku serta bentuk pemikiran yang tidak sihat. Program serta usaha yang integrated atau bersepadu perlu ada untuk setiap individu dan pihak terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses membentuk murid yang berdaya tahan. Misalnya, dengan pelaksanaan aktiviti dan program kesedaran yang bermanfaat, menjalankan program pemantapan ketahanan diri, menjalinkan hubungan positif dengan murid yang bertingkah laku devian, penambahbaikan silibus kursus pra-perkahwinan dan kekeluargaan, memasukkan unsur-unsur kefungsi keluarga ke dalam silibus pendidikan, dan lain-lain lagi. Melalui kajian ini juga, didapati murid yang mempunyai kefungsi keluarga yang baik mempunyai ketahanan diri yang lebih tinggi. Maka, keluarga perlu memainkan peranan yang lebih agar pelajar lebih resilien dan berupaya untuk berkembang secara sihat. Pembentukan keluarga yang sejahtera secara tidak langsung

dapat membantu pelajar berusaha dengan gigih untuk membina potensi kekuatan diri, dan berdaya tahan, seterusnya menjadi pelajar yang produktif serta dapat menyumbang tenaga, idea, dan kemahirannya kepada negara di masa hadapan.

8.0 RUJUKAN

- Badruzaman Baharom & Azizi Yahya. (2006). Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di Daerah Pontian, Johor. UTM: Fakulti Pendidikan.
- Bernard, M (2013). The strength of self acceptance theory, practice and research. Retrieved from <http://www.springer.com/psychology/book/978-4614-6805-9I>.
- Fariza Md Sham (2005) Tekanan emosi remaja islam. *Jurnal Islamiyyat* 27(1), 3-24
- Lestari, D. W. (2014). Penerimaan diri dan strategi coping pada remaja korban perceraian orangtua. *eJournal psikologi*, Volume 2, Nomor 1, 1-13.
- Lestari, S. (2012). Psikologi keluarga : Penanaman nilai & penanganan konflik dalam keluarga. Jakarta: Prenamedia Group.
- Chua Yan Piaw (2011). Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal Dan Skala Nominal
- Hochschild AR (1981) Emotion talk, feeling rules and social culture. *American Journal of Sociology* 85, 551-575
- Hubbard J (2001) Emotion Expression processes in children's peer interaction. The role of peer rejection aggression and gender. *Child Development* 72(5)
- Noran Fauziah Yaakub, Fatimah Haron, & Ahmad Jazimin Jusoh (2009). Manual Guru: Pencegahan Buli di Sekolah. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.
- Noriah Mohd. Ishak, Zuria Mahmud, & Amla Md. Salleh. (2003). Kesedaran Perkembangan Hubungan Dual Di Kalangan Kaunselor: Satu Kajian Kes
- O'Kearney R, Dadds M (2004) Developmental and gender differences in the language for emotions across the adolescent years. *Cognition and Emotion* 18(7), 913-938.
- Othman Lebar. (2009). Penyelidikan Kualitatif-Pengenalan kepada teori dan metod. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim.
- Peletz MG (1996) Reason and passion. University of California Press, Berkeley.
- Thoits PA (1989) The sociology of emotions. *Annual Review Sociology*
- Zaidah Mustapha (2000) Orang Melayu dan Emosi. Laporan Sabatikal UKM. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.